



Bayaran sokongan Coronavirus (COVID-19) kepada pekerja

Bantuan sokongan kewangan kepada pekerja-pekerja Victoria yang sedang mengasingkan diri atau dikuarantin

Pembayaran sekali yang berjumlah \$1,500 telah disediakan oleh Jabatan Kesihatan dan Kemanusiaan (The Department of Health and Human Services) (DHHS) sebagai sokongan kewangan kepada pekerja-pekerja Victoria yang telah diarahkan oleh DHSS untuk mengasingkan diri atau berkuarantin di rumah disebabkan mereka disahkan menghadapi coronavirus (COVID-19) atau ialah seorang kenalan rapat dengan kes yang disahkan, bermula daripada 20hb Jun.

Bantuan bayaran sokongan pekerja COVID-19 disediakan kerana kerajaan mengakui bahawa keperluan untuk mengasingkan diri atau dikuarantin di rumah boleh menyebabkan beban kewangan terhadap sebilangan individu dan keluarga yang tidak mempunyai pendapatan semasa tempoh ini.

Pemberian bantuan sokongan kewangan dapat membantu meringankan beban ini, dan memudahkan orang untuk mematuhi arahan untuk tinggal di rumah.

Siapa yang layak untuk memohon bayaran sokongan pekerja COVID-19?

Untuk memenuhi syarat pembayaran, orang tersebut mesti disahkan menghadapi coronavirus atau ialah seorang kenalan rapat dan mesti telah diarahkan oleh DHHS untuk mengasingkan diri atau kuarantin di rumah dan ialah :

- Berumur 17 tahun dan ke atas
- Kini menetap di Victoria (termasuk orang yang memegang Visa Perlindungan Sementara dan Visa Pekerjaan Sementara 457 dan 482) (Temporary Protection Visas dan Temporary Working Visas 457 & 482)
- Masih dalam pekerjaan, dan berkemungkinan perlu bekerja semasa tempoh pengasingan diri atau kuarantin di rumah dan kini tidak dapat bekerja akibat keperluan untuk mengasingkan diri atau kuarantin di rumah
- Pekerja-pekerja yang tidak menerima sebarang pendapatan atau penyelenggaraan gaji dari pekerjaan mereka kerana tidak dapat bekerja semasa berada dalam tempoh pengasingan diri atau kuarantin di rumah
- Pekerja-pekerja yang telah menghabiskan semua cuti sakit termasuk cuti khas untuk pandemi.
- Tidak menerima atau layak untuk pembayaran JobKeeper atau lain lain sokongan pendapatan dari Kerajaan Australia

Pekerja-pekerja termasuk mereka yang bekerja tetap, santai, sambilan, kontrak tetap dan kerja pensendirian.

Bagaimana saya atau salah seorang pekerja saya boleh memohon bayaran sokongan pekerja COVID-19?

Kakitangan DHHS yang bertanggungjawab dalam sebarang kes and pengesanan akan menghubungi semua individu yang telah disahkan menghadapi coronavirus (COVID-19) termasuk kenalan rapat mereka. Penilaian terhadap bantuan sokongan kewangan tersebut akan dilakukan menerusi telefon.

Semua bantuan sokongan kewangan diluluskan hanya melalui cara ini sahaja.

Untuk mendapatkan penerbitan ini dalam format yang mudah diakses, kirim e-mel ke [Emergency Management Communications](mailto:em.comms@dhhs.vic.gov.au) <em.comms@dhhs.vic.gov.au>.

Authorised and published by the Victorian Government, 1 Treasury Place, Melbourne.

© State of Victoria, Australia, Department of Health and Human Services May 2020.

ISBN/ISSN

Terdapat di <https://www.dhhs.vic.gov.au/translated-resources-coronavirus-disease-covid-19>